

20 DEC 2002

Kelantan-Resolusi

BN KELANTAN RUMUS 18 RESOLUSI BAGI BANTU KELANTAN DAN RAKYATNYA

MACHANG, 20 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan hari ini merumuskan 18 resolusi yang kebanyakannya menyentuh mengenai usaha pembangunan agama, sosial dan ekonomi yang diharap dapat menyediakan Kelantan bagi menghadapi cabaran dan saingan masa depan.

Resolusi itu merupakan hasil konvensyen sehari BN Kelantan yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Resolusi pada konvensyen itu, Datuk Ibrahim Ali berkata resolusi itu yang dirumuskan menerusi 13 buah bengkel membabitkan 2,500 peserta, dan ia menggambarkan "impian rakyat Kelantan" setelah negeri itu kian ketinggalan daripada segi pembangunan di bawah pemerintahan Pas sejak 12 tahun lepas.

"Resolusi ini yang juga sebahagian daripada persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang akan dilaksanakan jika BN diberi mandat untuk memerintah semula Kelantan," katanya ketika ditemui di sini.

Menurut beliau resolusi itu dibuat berdasarkan masalah yang dihadapi di Kelantan sekarang ini yang menyebabkan negeri itu "terus dalam gerhana" hingga menjejaskan pembangunan dan kemajuan rakyat.

Resolusi 10 mukasurat itu antaranya merakamkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Abdullah dan kerajaan pusat kerana terus membela rakyat Kelantan melalui peruntukan pembangunan pusat yang menjadi punca penggerak sosio-ekonomi Kelantan.

Berhubung agama, resolusi itu ingin memperhebatkan kegiatan dakwah Islamiah di negeri itu selain menyusun dan memperkemaskan Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai institusi ilmiah yang berwibawa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta tenaga akademiknya dijanjikan pengiktirafan lebih baik.

Bagi mempertingkatkan tahap pendidikan di Kelantan, resolusi itu mencadangkan supaya bilangan sekolah ditambah manakala sebuah universiti bertaraf antarabangsa diwujudkan di Kelantan jika BN menang di Kelantan.

Menyentuh mengenai kepentingan ekonomi dan industri, pemimpin BN Kelantan akan berusaha untuk mempelbagaikan peluang pekerjaan di negeri itu serta membangunkan industri komersil berasaskan pertanian dan makanan selain mengatasi masalah bekalan air untuk keperluan jangka panjang.

Resolusi itu juga menekankan perlunya menyediakan peluang pelaburan di kalangan pihak swasta selain melaksanakan projek besar seperti industri carigali minyak dan gas petrokimia yang belum dibangunkan lagi di negeri itu.

Bagi rakyat miskin, BN menerusi resolusi itu akan menyusun program bantuan kepada mereka yang layak serta bertekad mengagihkan tanah kepada rakyat yang belum memiliki tanah.

Ibrahim kemudian menyerahkan resolusi itu kepada Pengerusi BN Datuk Mustapa Mohamed sebagai tanda berakhirnya konvensyen itu.

-- BERNAMA

WM RAR PR